

## KERATAN AKHBAR



AKHBAR	..	SINAR HARIAN	
TARIKH	..	5/11/2019	MUKA SURAT : 34
JABATAN	..	JPS	
KLASIFIKASI	..	<b>PERHATIAN</b>	

# Bantah projek tambak laut

**1,000 nelayan berhimpun serah memorandum kepada kerajaan Pulau Pinang**

SYARATUDDHA  
MOHD ROSLI

GEORGETOWN

**K**ira-kira 1,000 nelayan Pulau Pinang berkumpul di Padang Kota Lama di sini bagi menyatakan bantahan terhadap cadangan Projek Tambakan Laut Pulau Pinang Selatan (PSR) di negeri itu. Pengerusi Persatuan



Nazri (tengah) mengemudi perhimpunan nelayan yang diadakan di Padang Kota Lama semalam.

Nelayan Pulau Pinang, Nazri Ahmad yang diiringi Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader dan Koordinator Forum Pulau Pi-

nang, Khoo Salma Nasution turut menyerahkan memorandum kepada kerajaan Pulau Pinang. Memorandum itu diserahkan kepada Pegawai Pe-

nerangan, Zahar Zainul di hadapan pintu masuk Dewan Sri Pinang iaitu lokasi berlangsung Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

Nazri berkata, kesemua nelayan terlibat tidak turun kelat untuk menyertai demonstrasi tersebut bagi memastikan desakan bantahan terhadap projek itu diambil perhatian oleh kerajaan Pulau Pinang.

Menurutnya, bagaimana pun, pihaknya kesal apabila tidak dibenarkan masuk untuk bertemu dengan wakil rakyat bagi menyatakan pandangan berhubung projek.

"Kehadiran kami di sini untuk menyuarakan bantahan kami yang disuarakan sejak empat tahun lalu.

Kami juga hanya mahu serahkan memorandum kepada kerajaan negeri namun kami tidak dibenarkan masuk.

"Tidak seperti di Parlimen kami dibenarkan ber-

jumpa dengan ahli Parlimen malah dengan menteri juga.

Kami bukan hendak membantah pembangunan namun isu yang dibangkitkan adalah membabitkan kehidupan dan hak nelayan serta ekosistem yang terjejas sekiranya projek ini dijalankan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penaga, Mohd Yusni Mat Piah yang bertemu dengan kumpulan nelayan itu turut menerima satu salinan memorandum bantahan tersebut.

Beliau berkata, pihaknya prihatin dengan nasib nelayan di Pulau Pinang berhubung isu itu dan akan membangkitkan dalam ucapannya pada Sidang DUN Rabu nanti.